KUNG TING KEUNG

lwn.

WONG KIM KEONG

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
MOHD GHAZALI J
[SAMAN PEMULA NO: 24-758 OF 1996]
22 JANUARI 1997

PROSEDUR SIVIL: *Penguatkuasaan penghakiman bersaling - Penghakiman diperolehi dalam tindakan di Mahkamah Tinggi Singapura - Penghakiman persetujuan direkodkan - Permohonan untuk penguatkuasaan di Mahkamah Tinggi Malaya - Samada penghakiman yang direkodkan merupakan penghakiman terakhir dan muktamad - Samada permohonan patut dibenarkan - Samada kehendak-kehendak s. 4(1) Akta Penguatkuasaan Penghakiman Bersaling 1958 telah dipatuhi*

Di dalam kes ini pihak pemiutang telah memperolehi satu penghakiman persetujuan terhadap penghutang dalam Mahkamah Tinggi di Singapura. Oleh kerana penghutang beralamat di Johor Bahru, pemiutang telah memfailkan permohonan untuk mendaftarkan penghakiman itu di Mahkamah Tinggi Malaya di bawah s. 4(1) Akta Penguatkuasaan Penghakiman Bersaling 1958 (Akta tersebut). Penghutang telah membangkitkan bantahan terhadap permohonan pemiutang.

Diputuskan:

[1] Penghakiman itu adalah penghakiman mahkamah atasan Singapura yang merupakan sebuah negara salingan, dan penghakiman itu adalah muktamad dan konklusif antara pemiutang dan penghutang. Di samping itu, permohonan untuk pendaftaran penghakiman itu di Mahkamah ini telah di buat dalam tempoh enam tahun selepas tarikh penghakiman itu dan pada tarikh permohonan jumlah wang yang hendak di bayar di bawah penghakiman itu belum ditunaikan keseluruhannya dan boleh dikuatkuasakan secara pelaksanaan dalam negara mahkamah asal.

[2] Bantahan penghutang berdasarkan bahawa tindakan baru akan difailkan untuk mengenepikan penghakiman itu, adalah tidak relevan untuk prosiding ini dan tidak boleh menjejaskan permohonan pemiutang memandangkan tindakan yang dicadangkan itu pada permukaannya merupai satu rayuan. Mengikut s. 3(4) Akta tersebut adalah diperuntukkan bahawa penghakiman mahkamah atasan negara salingan hendaklah disifatkan sebagai muktamad dan konklusif walaupun rayuan terhadapnya belum selesai, atau ia masih tertakluk kepada rayuan.

[3] Permohonan ini berbentuk kes yang layak dan sesuai bagi mahkamah menggunakan budi bicara untuk membenarkan penghakiman berkenaan didaftarkan dalam Mahkamah Tinggi Malaya.

[Permohonan pemiutang dibenarkan.]

Perundangan yang dirujuk:

Akta Penguatkuasaan Penghakiman Bersaling 1958, ss. 3(1)(a), (3)(a), (4)(1), 4(1), (3)

Bagi pihak pemiutang penghakiman - John Yeo Chun Ming; T/n Paul Tan Looi & Assoc

Bagi pihak penghutang penghakiman - Ashok K Raman; T/n Abu Talib Shahrom & Zahari

Reported by Satish Nair

PENGHAKIMAN

Mohd Ghazali J:

Di dalam permohonan ini, pemiutang penghakiman (selepas ini dirujuk sebagai 'pemiutang'), setelah memperolehi penghakiman terhadap penghutang penghakiman (selepas ini dirujuk sebagai 'penghutang') daripada Mahkamah Tinggi, Singapura pada 19 Januari 1996 – yang memerintah penghutang membayar pemiutang jumlah penghakiman S$1,152,600 (persamaan RM2,090,701.10), faedah pada kadar 8% setahun di atas jumlah penghakiman daripada 29 Mac 1994 sehingga tarikh bayaran/penyelesaian dan kos sebanyak S$3,500 (persamaan RM6,348.65) – memohon supaya penghakiman itu didaftarkan dalam Mahkamah Tinggi Malaya menurut s. 4(1) Akta Penguatkuasaan Penghakiman Bersaling 1958 (selepas ini dirujuk sebagai 'Akta itu') yang berbunyi:

> Seseorang, yang adalah pemiutang penghakiman di bawah penghakiman yang baginya Bahagian ini terpakai, boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi pada bila-bila masa dalam tempoh enam tahun selepas tarikh penghakiman itu, atau, di mana telah adanya prosiding dengan secara rayuan terhadap penghakiman itu, selepas tarikh penghakiman terakhir diberi dalam prosiding itu, untuk mendapatkan penghakiman itu didaftarkan dalam Mahkamah Tinggi, dan atas apa-apa permohonan sedemikian, Mahkamah hendaklah, tertakluk kepada pembuktian perkara-perkara yang ditetapkan dan kepada peruntukan-peruntukan lain Akta ini, memerintahkan penghakiman itu didaftarkan:

Dengan syarat bahawa sesuatu penghakiman tidaklah boleh didaftarkan jika pada tarikh permohonan itu:

(a) ia telah ditunaikan keseluruhannya; atau

(b) ia tidak boleh dikuatkuasakan secara pelaksanaan dalam negara mahkamah asal.

Menurut afidavit pemiutang, penghutang adalah seorang warganegara Malaysia yang memegang kad pengenalan No. 4763408 dan mempunyai alamat terakhir di No. 4, Jalan Peduka, 80200 Johor Bahru. Saya mendapati tidak dipertikaikan bahawa pemiutang telah memfailkan permohonannya pada 10 September 1996, iaitu, dalam tempoh enam tahun selepas tarikh penghakiman itu seperti diperuntukkan di bawah s. 4(1) Akta itu.

Permohonan telah ditetapkan untuk pendengaran pada 17 Oktober 1996 tetapi telah ditangguhkan kepada 31 Oktober 1996 atas permintaan Peguam penghutang, iaitu, Cik Antoinette Renee Xavier berdasarkan beliau baru diserahkan saman pemula serta afidavit pihak pemiutang pada 12 Oktober 1996.

Pada 31 Oktober 1996, apabila permohonan dipanggil untuk pendengaran, Peguam penghutang pada hari itu, Encik Ashok K Raman memaklum ia ingin membangkit bantahan permulaan dan memaklum ia telah memajukan notis melalui telefaks kepada Peguam pemiutang pada 29 Oktober 1996. Peguam pemiutang memaklum ia hanya menerima notis itu pada jam 5.50 petang pada tarikh tersebut dan telah meminta penjelasan, melalui telefaks juga, berdasarkan butir-butir bantahan yang dibangkitkan itu kabur. Encik Ashok pula menjawab ia telah menghantar penjelasannya kepada Peguam pemiutang pada 30 Oktober 1996.

Memandangkan Mahkamah tidak tahu menahu tentang apa yang dipertikaikan itu kerana salinan notis tidak dimajukan kepada Mahkamah, saya telahpun menolak permohonan Peguam penghutang dan memaklum ia boleh membangkitkan apa yang ia hendak membantah semasa pendengaran permohonan pemiutang. Walau bagaimanapun pendengaran permohanan pemiutang tidak dapat diteruskan pada tarikh itu kerana Encik Ashok memaklum ia tidak bersedia dan di samping itu, pihaknya belum memfailkan afidavit jawapan – oleh itu, pendengaran permohonan telah ditangguhkan kepada 4 November 1996.

Pada 4 November 1996 apabila kes dipanggil untuk pendengaran, Peguam yang mewakili penghutang pada hari itu, Encik Feruz Anwar Seth memaklum pihaknya baru memfailkan afidavit jawapan pada 2 November 1996. Atas desakan Peguam pemiutang yang ia perlu masa untuk memfailkan afidavit selanjutnya bagi menjawab afidavit penghutang, saya telah menangguhkan pendengaran permohonan kepada 13 November 1996. Pada 13 November 1996, atas permohonan kedua-dua pihak, mendasarkan afidavit lanjutan pemiutang baru difailkan kelmarin, saya telah sekali lagi menangguhkan pendengaran

kepada 28 November 1996 dan memaklumkan kepada kedua-dua pihak ini adalah penangguhan terakhir. Walau bagaimanapun, pada 28 November 1996 hanya Peguam pemiutang hadir – ia memaklumkan ia sebut bagi pihak Peguam penghutang dan seterusnya memohon supaya kes ditangguh kerana ia perlu memfailkan afidavit tentang pindaan yang dibuat kepada penghakiman asal oleh Mahkamah Tinggi Singapura dan juga penolakan permohonan penghutang bagi lanjutan masa oleh Mahkamah tersebut untuk memfailkan rayuan terhadap penghakiman itu. Mendasarkan demikian, saya telah menangguhkan pendengaran kepada 9 Disember 1996.

Akhirnya pada 9 Disember 1996 pendengaran dapat diteruskan. Di awal pendengaran, Peguam pemiutang, Encik C.M. Yeo menarik perhatian mahkamah kepada afidavit tambahan pihak pemiutang (lampiran 9) dimana pemiutang melampirkan salinan penghakiman pindaan yang diterbitkan mendasarkan perintah Mahkamah Tinggi, Singapura pada 22 November 1996 – pindaan itu berbentuk seperti berikut:

(i) Penghakiman asal – "AND IT IS THIS DAY ADJUDGED";

(ii) Penghakiman pindaan – "AND **BY CONSENT** IT IS THIS DAY ADJUDGED."

Peguam pemiutang menyata tidak ada apa-apa pindaan lain yang dibuat selain daripada apa yang telah dinyatakan di atas. Seterusnya Encik C.M. Yeo berhujah adalah jelas penghakiman tersebut yang diperolehi oleh pemohon adalah penghakiman Mahkamah Tinggi, Singapura dan oleh itu jatuh dibawah tujuan Jadual Pertama kepada Akta itu yang memperuntukkan Singapura adalah sebuah negara salingan dan bahawa Mahkamah Tinggi Singapura adalah Mahkamah atasan bagi maksud s. 3(1) Akta itu yang memperuntukkan:

> Bahagian ini hendaklah diperluaskan kepada penghakiman yang diberi dalam mahkamah atasan negara salingan.

Seterusnya Encik C.M. Yeo membuat rujukan kepada s. 3(3) dan 3(4) Akta itu yang berbunyi:

(3) Apa-apa penghakiman mahkamah atasan, selain daripada penghakiman mahkamah sedemikian yang diberi atas rayuan dari suatu mahkamah yang bukan mahkamah atasan, adalah suatu penghakiman yang baginya Bahagian ini terpakai, jika:

(a) penghakiman itu adalah muktamad dan konklusif antara pihak-pihak kepada penghakiman itu;

(b) adanya sejumlah wang dibayar di bawah penghakiman yang bukannya jumlah wang yang kena dibayar berkenaan dengan cukai atau caj-caj lain seumpamanya atau berkenaan dengan denda atau penalti lain; dan

(c) sebagai penghakiman dari negara atau wilayah yang ditambah kepada Jadual Pertama menurut sub-s. (2), penghakiman itu diberi selepas negara atau wilayah itu ditambah kepada Jadual itu.

(4) Bagi maksud seksyen ini, penghakiman hendaklah disifatkan sebagai muktamad dan konklusif walaupun rayuan terhadapnya belum selesai, atau ia masih tertakluk kepada rayuan, dalam Mahkamah-Mahkamah negara Mahkamah asal.

Peguam seterusnya berhujah pemiutang telah mematuhi kehendak s. 3 dan 4 Akta itu dan di samping itu telahpun menyatakan bersamaan jumlah wang yang kena dibayar di bawah penghakiman itu berasaskan kadar pertukaran wang Singapura bagi menuruti s. 4(3) Akta itu yang berbunyi:

> Jika jumlah wang yang kena dibayar di bawah penghakiman yang hendak didaftarkan dinyatakan dalam matawang selain daripada matawang Malaysia, penghakiman itu hendaklah didaftarkan seolah-olah ianya adalah suatu penghakiman bagi jumlah wang itu dalam matawang Malaysia yang, berasaskan kadar pertukaran wang yang terpakai pada tarikh penghakiman Mahkamah asal itu, adalah senilai dengan jumlah wang yang kena dibayar itu.

Kesimpulannya, ia mendesak supaya permohonannya dibenarkan dengan kos.

Di dalam jawapannya bagi menentang permohonan pemiutang, Encik Ashok bertikai pada tarikh permohonan difailkan, iaitu, 10 September 1996 penghakiman yang dipohon untuk didaftarkan telah mendasarkan penghakiman yang belum dipinda dan oleh itu permohanan pemiutang adalah cacat dan tidak teratur. Ia kemudian bertikai pemiutang sepatutnya menarik balik permohonannya dan memfail permohonan baru mendasarkan penghakiman pindaan yang diterbitkan pada 22 November 1996. Seterusnya ia berhujah penghakiman asal merupakan satu penghakiman yang bukan terakhir dan muktamad seperti yang dikehendaki oleh s. 3(3)(a) Akta itu dan menegaskan "I was misled by the application." Kemudiannya Encik Ashok pohon supaya pendengaran permohonan ditangguh diperingkat ini bagi memberi penghutang peluang untuk memfailkan kes baru di Mahkamah Tinggi Singapura untuk mengenepikan penghakiman persetujuan yang diperolehi oleh pemiutang.

Di dalam jawapannya, Encik C.M. Yeo berhujah penghakiman yang dipinda itu pada 22 November 1996 tidak mengubah penghakiman asal itu melainkan menjelaskan ianya berbentuk penghakiman persetujuan dan oleh itu memohon Mahkamah membenarkan permohonannya.

Di akhir pendengaran, saya telah membenarkan permohonan plaintif seperti dipohon dengan kos, iaitu, saya telah perintah penghakiman yang diperolehi oleh pemiutang pada 19 Januari 1996 seperti dipinda pada 22 November 1996 didaftarkan dalam Mahkamah Tinggi Malaya, dan terhadap keputusan ini penghutang telah membuat rayuan. Saya memutuskan demikian berdasarkan perkara-perkara berikut:

(i) penghakiman itu adalah penghakiman mahkamah atasan Singapura yang merupakan sebuah negara salingan;

(ii) penghakiman itu adalah muktamad dan konklusif antara pemiutang dan penghutang;

(iii) adanya sejumlah wang dibayar di bawah penghakiman yang bukannya berkenaan cukai atau caj-caj lain seumpamanya atau berkenaan dengan denda atau penalti lain.

Saya juga mendapat niat ataupun cadangan penghutang, seperti diumumkan oleh Encik Ashok, untuk memfail tindakan baru untuk mengenepikan penghakiman itu tidak relevan bagi prosiding ini dan tidak boleh menjejaskan permohonan pemiutang memandangkan tindakan yang dicadangkan itu pada permukaannya merupai suatu rayuan. Seperti diperuntukkan di bawah s. 3(4) Akta itu, penghakiman mahkamah atasan negara-negara salingan hendaklah disifatkan sebagai muktamad dan konklusif walaupun rayuan terhadapnya belum selesai, atau ia masih tertakluk kepada rayuan. Di samping itu, permohonan untuk pendaftaran penghakiman itu di Mahkamah ini telah dibuat dalam tempoh enam tahun selepas tarikh penghakiman itu dan pada tarikh permohonan, jumlah wang yang hendak dibayar di bawah penghakiman itu belum ditunaikan keseluruhannya dan di samping itu boleh dikuatkuasakan secara pelaksanaan dalam negara Mahkamah asal.

Saya berpendapat bantahan yang dikemukakan oleh penghutang tidak mempunyai apa-apa merit. Kes penghutang ialah selepas penghakiman diperolehi oleh pemiutang pada 19 Januari 1996, penghutang telah memfailkan permohonan pada 5 November 1996 bagi perlanjutan masa untuk memfail notis rayuan – walau bagaimanapun permohonan itu telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi Singapura pada 22 November 1996. Di dalam perenggan 8 afidavitnya yang diikrar pada 6 Disember 1996, penghutang telah menyata seperti berikut:

> Saya merasa amat terkejut apabila mendengar bahawa suatu Penghakiman Persetujuan telah direkodkan di Mahkamah Tinggi Singapura kerana saya tidak pernah pada bila-bila masa sekalipun mengarahkan Peguam saya di Singapura pada masa itu, Tetuan Nathan Isaac & Co. untuk mengakui tuntutan Pemiutang Penghakiman tersebut untuk bersetuju merekodkan suatu Penghakiman Persetujuan.

Keterangan menunjukkan pada 22 November 1996, Mahkamah Tinggi Singapura telah juga menetapkan pendengaran permohonan pemiutang untuk penghakiman yang ia memperolehi pada 19 Januari 1996 dengan menambahkan perkataan-perkataan "BY CONSENT" seperti dibincangkan di atas. Permohonan pemiutang telah dibenarkan dan rekod prosiding menunjukkan kedua-duanya Peguam pemiutang dan penghutang hadir pada tarikh itu. Mendasarkan demikian, saya mendapat pertikaian penghutang bahawa ia "terkejut" apabila mendengar Peguamnya di Singapura telah bersetuju merekodkan penghakiman persetujuan itu tanpa arahannya tidak berkaitan dengan permohonan ini memandangkan mahkamah ini bukanlah forum untuk mengadili pertikaian yang dibangkitkan itu. Bagi saya, apa yang penting ialah pada tarikh pendengaran permohonan ini pada 2 Disember 1996, penghakiman mahkamah atasan negara salingan itu adalah penghakiman yang muktamad dan konklusif antara pihak-pihak kepada penghakiman itu.

Kesimpulannya saya berpendapat permohonan ini berbentuk kes yang layak dan sesuai bagi saya menggunakan budi bicara untuk membenarkan penghakiman berkenaan didaftarkan dalam Mahkamah Tinggi Malaya dan oleh itu saya telah membenarkan permohonan pemiutang.